

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014**

**9 HINGGA 19 JUN 2014
SOALAN NO : 101 HINGGA 200**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATUK CHUA TEE YONG
[LABIS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah program dan perancangan Kementerian untuk menyediakan pendidikan pra-sekolah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di kawasan Parlimen Labis.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini terdapat empat buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di kawasan Parlimen Labis. Semua Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Kawasan Parlimen Labis ini telah mempunyai kelas prasekolah. Perinciannya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Nama Sekolah	Bil Kelas Prasekolah
1	SJK(T) Bekok	1
2	SJK(T) Cantuman Chaah	2
3	SJK(T) Labis	2
4	SJK(T) Ladang Voules	1
	Jumlah	6

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK CHUA TEE YONG
KAWASAN : LABIS

SOALAN:

YB. DATUK CHUA TEE YONG (LABIS) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan satu lagi laluan untuk menyambung ke kawasan pekan Bekok kerana pada masa sekarang hanya ada satu jalan keluar masuk ke kawasan itu dan ia merbahaya terutamanya bila berlaku banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan J150 ke pekan Bekok, Johor ialah berstatus Jalan Negeri. Jalan ini kemudian bersambung dengan Jalan Persekutuan 1 (FT01), Jalan Labis – Cha'ah. Pada masa kini Kementerian Kerja Raya tidak ada perancangan untuk membina laluan jalan persekutuan yang baru ke pekan Bekok. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat ini akan dipanjangkan untuk perhatian dan tindakan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Kerajaan Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

SOALAN : Dato' Noraini binti Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan persediaan Kementerian dalam menangani fenomena El-Nino yang dijangka akan melanda negara khususnya bantuan kepada petani-petani yang akan mengalami kesukaran akibat cuaca yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Persediaan Kementerian dalam menangani fenomena El-Nino yang dijangka akan melanda negara khususnya bantuan kepada petani-petani yang akan mengalami kesukaran akibat cuaca yang tidak menentu adalah seperti berikut:

2. Setiap agensi yang terlibat dalam penanaman padi termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB), MOA akan memberi fokus dengan mengenal pasti kawasan-kawasan penanaman padi yang memerlukan air semasa berlakunya fenomena El-Nino dan mendapatkan maklumat terperinci seperti jadual penanaman padi bermula dan jumlah air yang diperlukan bagi kawasan berkenaan.

3. Memandangkan keperluan bekalan air bagi tanaman sayuran di kawasan Cameron Highland adalah menggunakan sumber air bukit, pihak Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) akan mengawasi keperluan air di kawasan tersebut bagi mengelakkan tanaman sayuran terjejas.

4. Peruntukan juga akan disediakan untuk perolehan pam-pam bergerak untuk membantu para petani menambah bekalan air serta mengitar semula air dari parit-parit saliran.

5. Di samping itu, pengenalpastian lokasi untuk pembinaan telaga-telaga air bumi sebagai sumber air alternatif turut giat dijalankan. Penjadualan semula bekalan air pengairan di kawasan jelapang dan luar jelapang padi akan dilaksanakan selain membersihkan tali air sedia ada bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan lancar untuk membekalkan bekalan air yang secukupnya pada musim kemarau.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]
SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [ParitSulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kementerian mengenai penggunaan ubat-ubatan generik dan jumlah penjimatan yang dijangka boleh diperolehi melalui dasar penggunaan ubat-ubatan generik semaksimum mungkin di hospital dan klinik kerajaan di mana sesuai.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua ubat generik perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ianya boleh dikilang, diimport, dijual dan digunakan di Malaysia. Hanya ubat-ubatan yang dinilaikan selamat, berkualiti dan berkesan didaftarkan. Sehingga Disember 2013, sejumlah 12,997 (92.90%) ubat generik telah didaftarkan oleh PBKD berbanding ubat *innovator* sebanyak 993 (7.10%). Dari jumlah ubat generik berdaftar, kira-kira 4,191 (32.25%) adalah ubat generik yang dikilangkan oleh pengilang tempatan manakala 8,806 (67.75 %) adalah ubat generik yang diimport.

Dalam usaha PBKD untuk memastikan bahawa semua ubat generik yang didaftarkan memenuhi kriteria kualiti, keselamatan dan keberkesanan, keperluan pendaftaran yang ketat telah dikuatkuasakan terhadap ubat generik. Pematuhan kepada Amalan Pengilangan Baik (APB) adalah kriteria utama yang perlu dipatuhi dalam pengilangan ubat-ubat generik.

PBKD juga menguatkuasakan keperluan kajian bioekuivalens/bio-kesetaraan terhadap ubat-ubat generik yang mana dalam kajian ini kepekatan ubat generik dalam darah dibandingkan dengan ubat *innovator* untuk membuktikan keberkesanan ubat.

Selain daripada itu, PBKD juga mengenakan keperluan validasi proses, validasi analitikal dan kajian mutu produk tersiap (*finished product*) serta kajian stabiliti bagi menjamin kualiti dan keselamatan ubat-ubat generik.

Setelah ubat-ubat generik berdaftar, PBKD akan sentiasa memastikan bahawa ubat-ubat generik ini masih mematuhi keperluan pendaftaran melalui aktiviti surveilans, pemantauan kesan advers ubat serta penyiasatan aduan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar KKM adalah untuk menggalakkan keperolehan yang sama rata (*equitable access*) dan penggunaan yang rasional ubat – ubatan penting yang berkualiti, selamat, berkesan dan mampu dimiliki bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat.

Salah satu komponen yang terdapat di dalam Dasar Ubat Nasional (DUNas) adalah Dasar Ubat Generik yang bertujuan untuk memastikan ubat – ubatan adalah mampu dimiliki dengan cara menggalakkan persaingan sihat di

kalangan pemain industri. Dasar ini digunakan sebagai panduan dalam penggunaan dan perolehan ubat – ubatan.

Data bagi ubat – ubatan yang diperolehi melalui kontrak KKM bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan 37 ubat *innovator* yang telah tamat tempoh paten dan telah ada alternatif ubat generik digunakan di fasiliti KKM. Penjimatan harga yang diperolehi oleh KKM bagi tempoh tersebut adalah pada median 63% dengan penjimatan minima 17% serta maksima 97%.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
SOALAN : Dato' Noraini binti Ahmad minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah Kementerian membuat kajian ke atas jumlah pengeluaran hasil pertanian tempatan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan akibat dari perubahan cuaca yang tidak menentu dan kesannya ke atas harga hasil pertanian tersebut di pasaran tempatan memandangkan fenomena ini dijangkakan menjadi lebih kerap di masa hadapan.

JAWAPAN

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memantau secara berterusan berkaitan perubahan cuaca yang tidak menentu dan kesannya kepada hasil pertanian. Pada amnya, kesemua sektor tanaman tidak menunjukkan perhubungan yang ketara di antara peningkatan suhu dengan penghasilan akibat dari perubahan cuaca yang tidak menentu. Ini disebabkan suhu maksimum yang dialami masih berada di dalam julat suhu yang tidak memberi kesan negatif kepada proses fisiologi tanaman utama negara. Walau bagaimanapun, kekurangan air lebih menampakkan kesan negatif terhadap beberapa tanaman utama seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Kesan cuaca panas terhadap tanaman bergantung kepada jenis tanaman, peringkat tumbesaran tanaman, interaksi iklim setempat dan kemudahan infrastruktur yang sedia ada. Analisis yang telah dijalankan oleh MARDI mendapati peningkatan suhu 1°C yang melebihi julat suhu optima akan menyebabkan hasil padi berkurangan sebanyak 9-10%. Penurunan hasil tanaman padi menjadi lebih ketara jika keadaan cuaca panas berlaku pada peringkat

pengeluaran anak (*tillering*) atau pengisian bijian (*grain filling stage*). Cuaca panas juga akan memberi kesan yang sangat ketara jika ia berlaku di peringkat pembungaan (*flowering stage*) di mana keguguran bunga menjadi punca utama di dalam pengurangan hasil.

Tanaman buah-buahan pula akan mengalami kemerosotan hasil antara 30-50% jika cuaca panas berlaku diperingkat pembungaan. Kesan yang tinggi ini disebabkan oleh kesan fisiologi dan juga kesan negatif cuaca panas terhadap proses pendebungaan kepada tanaman yang bergantung kepada agen pendebunga untuk membantu proses pendebungaan.

MARDI juga sedang berkerjasama dengan Jabatan Kajicuaca dan berusaha untuk membangunkan model simulasi bagi meramalkan patent perubahan suhu dikawasan tanaman padi di Malaysia bagi membantu membuat keputusan yang terbaik bagi menangi musim kemarau atau banjir.

Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah bagi menjamin pengeluaran makanan dan seterusnya mengawal harga bahan pertanian melalui:

- (i) Insentif Percukaian bagi menarik penyertaan dan pelaburan sektor swasta ke dalam bidang pertanian di bawah program TKPM, ZIA dan ladang satelit;
- (ii) Program Jimat Belanja Dapur (JBD) sebagai strategi jangka pendek dan Skim Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak MOA di Pasar Tani sebagai strategi jangka panjang. Program JBD merupakan satu insentif bagi menangani kenaikan harga barang di pasaran terutama menjelang musim perayaan. Ia merupakan satu mekanisme untuk menangani kenaikan kos sara hidup rakyat melalui jualan komoditi terpilih dengan 5% hingga 30% lebih rendah berbanding dengan pasaran di pasar tani terpilih;
- (iii) Skim Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak MOA di pasar tani. Skim berkenaan berbentuk insentif dan galakan yang disediakan untuk kelompok gabungan antara peserta ladang kontrak dengan peserta-peserta pasar tani sedia ada. Skim ini bertujuan meningkatkan pengeluaran dan mengumpulkan hasil pertanian untuk dipasarkan terus kepada pengguna melalui pasar tani dengan sasaran peserta adalah seramai 500 orang;

- (iv) Pembangunan Pasar Tani untuk membolehkan bekalan hasil pertanian dibawa terus ke Pasar Tani dan memastikan harga jualan yang berpatutan. Setakat ini terdapat 512 buah Pasar Tani sedia ada di seluruh negara dan sedang dalam perancangan untuk tambah kepada 1,000 buah Pasar Tani dalam tempoh 7 tahun akan datang secara berperingkat;
- (v) Pewujudan Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) yang mempunyai konsep pemodenan seperti Pasar Tani, Pasar Malam, Pasar Minggu dan Pasar Tamu tetapi dilengkapi dengan kemudahan struktur yang tetap, bagi memastikan kebersihan tapak premis sambil membantu peniaga meningkatkan pendapatan mereka. Petani, nelayan dan penternak boleh menjual terus hasil tanaman, ternakan dan tangkapan di Pasar Komuniti tersebut. Setakat ini 8 buah Pasar Komuniti telah beroperasi dan 3 buah lagi dalam pembinaan, menjadikan 11 buah Pasar Komuniti secara keseluruhan;
- (vi) mewujudkan Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), di mana ketika ini terdapat sebanyak 201 buah AKR dan ia akan ditambah menjadi 500 buah AKR keseluruhannya;
- (vii) mewujudkan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) di mana setakat ini terdapat 413 buah GBBS di seluruh negara; dan
- (viii) penggalakan nelayan bersama-sama Persatuan Nelayan Kawasan untuk membuka lebih banyak Pasar Nelayan yang membolehkan pengguna membeli ikan pada harga dan kualiti ikan yang lebih kompetitif di kawasan sekitar pusat pendaratan.